

elc International School

Personal Data Protection Policy



The Malaysia Personal Data Protection Act 2010 (PDPA) came into force on 15 November 2013 with the aim of regulating the collection, storage, processing and the use of personal data and sensitive personal data. The Personal Data Protection Act strives to regulate the processing of personal data and to safeguard the rights of individuals. It is not intended to obstruct the legitimate use of information.

This Personal Data Protection notice [**Notice**] applies to any and all of our students, prospective students, students' parents or legal guardians, prospective students' parents or legal guardians, goods and service suppliers, contractors and vendors in accordance with the Personal Data Protection Act 2010 [PDPA].

By virtue of you communicating and dealing with **elc** International School and supplying us with your Personal Data and Sensitive Personal Data and continuing to do so, you consent to us processing your Personal Data and the terms of this Personal Data Protection Policy.

Personal Data

Personal Data includes all information that identifies a person directly or indirectly from that information itself in relation to commercial transactions and educational activities with us. It also includes any Sensitive Personal Data and opinions expressed about other people. Personal data would include the following information:

- Name
- Address
- Telephone number
- Email
- Gender
- Date of Birth
- Photos and/or Videos etc
- Security Footage in the public area within **elc** International School and its reasonable proximity.

Sensitive Personal Data

Sensitive Personal Data includes the person's Personal Data with regards to their

- physical or mental health or condition
- political views or opinions
- religious or spiritual beliefs
- the charge or alleged charge of a criminal offence
- biometric data
- any other information deemed by the Minister to be sensitive personal data

"Biometric data" means any personal data resulting from technical processing relating to the physical, physiological or behavioural characteristics of a person.

Processing

Processing means collecting, recording, holding or storing data, organizing, adapting or altering data, using, referring to, retrieving or consulting data, disclosing by transmitting, transferring, disseminating data or otherwise making the data available to third parties, aligning, combining, correcting, erasing, destructing or destroying data.



Affiliates

Affiliates means any educational institution, company, corporation or other organisation which is directly or indirectly controlled by Zaum Sdn Bhd [elc International School]. The term “control” when used with respect to any organisation means the ownership, directly or indirectly, or the power to direct or cause the direction of the management and policies of such organisation, or by contract or otherwise.

Collection of your Personal Data

You consent to **elc** International School collecting, storing and processing your Personal Data. This Personal Data includes, but is not limited to, your name, gender, nationality and national identity card number or passport number, address, contact number, email address, employment information and income range, family background, banking information and financial details, place of birth, closed-circuit television images and security recordings, photos, education history and academic records, and any other information from which we can identify you or which may identify you that we deem necessary from time to time in connection with our commercial relationship with you.

elc International School may also process your Sensitive Personal Data which includes but is not limited to the religious or similar beliefs; health or mental condition; biometric data and any commission of offences, allegations of committing offences or convictions.

elc International School will take all reasonable steps to ensure that your Personal Data and Sensitive Personal Data are accurate, complete, not misleading, and kept up to date. All data will be securely stored, with electronic data protected through encryption or other security measures, in line with the PDPA.

Sources of Personal Data and Sensitive Personal Data

You consent to **elc** International School obtaining your Personal Data and Sensitive Personal Data from a variety of sources including but not limited to:

- you engaging **elc** International School for our services;
- you providing your Personal Data at events sponsored or organized by **elc** International School;
- you providing your business cards to our representatives, employees or agents;
- referral from a third party including our affiliates and business associates whether in or outside Malaysia;
- any form of oral or written communication between you and **elc** International School or with our authorised agents;
- submission of your Personal Data through, among others, the **elc** International School application form, registration form, enquiry form or from the website;
- all security footage within the **elc** International School premises and reasonable proximity; and
- any materials that you have distributed voluntarily.

Purpose of Collection of your Personal Data and Sensitive Personal Data (“the Data”)

You consent to **elc** International School collecting and processing the Data for the following purposes (referred to collectively as ‘**Purposes**’) which include but shall not be limited to:

- to access your application(s)/request(s) for our services
- to process students' admission into our institution
- to deliver student services including education, health and counselling services
- to organise trips, graduations, scholarships and sponsorships
- for market research, statistical analysis and student recruitment marketing purposes
- notification of updates, newsletters and other similar correspondence with you
- management of alumni operations and provision of updates on alumni activities and alumni

- privileges
- h. for maintenance of students' academic and medical records
- i. for internal evaluation of our teaching services for teachers' training purposes
- j. for internal records for our financial management, provision of facilities and educational and ancillary services
- k. for responding to complaints and enquiries or communicate with you
- l. for compliance with any legal or statutory rights and obligations
- m. for protective, security and accountability measures



*** excellence * loyalty * commitment ***

The Data shall not be kept longer than is necessary for the fulfilment of the Purposes. Once it is no longer required, **elc** International School shall ensure that it is securely destroyed or permanently deleted. **elc** International School, however, shall continue to retain the Data where necessary, including for academic record keeping, future verification, and alumni engagement.

Your Personal Data and Sensitive Data shall be stored and encrypted. The Data shall be accessed by the school's authorised administrator or the school's Data Protection Officer for the above Purpose in compliance with the PDPA.

Disclosure to Third Parties

You consent to **elc** International School disclosing your Personal Data and Sensitive Personal Data to the following third parties including but not limited to:

- a. our Affiliates
- b. any professional advisors including external auditors, contractors, consultants, solicitors and other professional service providers appointed in relation to our business
- c. service providers who provide us, information technology, delivery, recruitment, research, security, marketing, advertising and archival services
- d. hotels, official visa agents and official travel agents
- e. banking and financial institutions
- f. Insurance providers
- g. estate agents of students' accommodation providers
- h. students' sponsors, embassies or consulates of the students' home country
- i. organizations hosting students' internship, practicum or industrial engagement or potential employers of students
- j. business associates we deem necessary and appropriate
- k. regulatory and governmental authorities as required by law

Consequences of Refusal / Failure to Provide Personal Data and Sensitive Personal Data

The provision of your Personal Data and Sensitive Personal Data to **elc** International School is obligatory where it is required for us to provide our services or where it is obligatory in law to be provided. However, if you choose not to provide your consent or subsequently withdraw your consent to the processing of the Personal Data and Sensitive Personal Data by us, we will not be able to fulfil our obligations to you in relation to the Purposes.

Your rights of access to, correction and limiting the processing of your Personal Data and Sensitive Personal Data

You may request access to your Personal Data and Sensitive Personal Data, and have a copy of it by submitting a written request. If you think your Personal Data and Sensitive Personal Data are inaccurate, misleading, incomplete or out-of-date, you should submit a written request for correction. If you do not wish to receive notifications and materials from us or would like **elc** International School to cease processing your Personal Data and Sensitive Personal Data in a specified manner, you should submit a written request for such a restriction and **elc** International School will take reasonable steps to comply with your request. **elc**


International School may however refuse to comply with the request under circumstances as permitted and/or prohibited by law. Any requests, enquiries complaints with respect to your Personal Data and Sensitive Personal Data may be submitted to **elc** International School in writing, to the following addresses:-

The Principal, Secondary Division
The Principal, Primary Division
elc International School
Sungai Buloh Campus
Jalan Sierramas Barat
Sierramas
Sungai Buloh
47000 Selangor
Malaysia

email: sn.chong@elc.edu.my
[Secondary Division]
m.evans@elc.edu.my
[Primary Division]

The Principal
elc International School
Cyberjaya Campus
Lingkar Cyber Point Barat
Cyberjaya
63000 Selangor
Malaysia

email: principal_cj@elc.edu.my



or
* **excellence** * **loyalty** * **commitment** *

Please include the following details in any of your written requests which may be used to identify you-

1. Full name
2. Identification number
3. Contact number
4. Correspondence address
5. Email address

Transfer of Personal Data and Sensitive Personal Data to Places outside Malaysia

elc International School may transfer your Personal Data and Sensitive Personal Data outside Malaysia when carrying out any of the Purposes to the extent permitted by law. **elc** International School shall take reasonable steps to ensure these third parties do not process your Personal Data and Sensitive Personal Data for any purposes other than the Purposes and that the processing of your Personal Data and Sensitive Personal Data outside Malaysia agrees with the PDPA.

Data Portability of Your Personal Data and Sensitive Personal Data

You may request **elc** International School, by giving notice in writing, to transmit your Personal Data and Sensitive Personal Data by electronic means to another Data Controller as defined within PDPA upon your choice as stated in the request. Please know that your request for Data Portability is subject to technical feasibility and compatibility of Data Format.

Security of Personal Data and Sensitive Personal Data

elc International School takes reasonable precautions to protect your Personal Data and Sensitive Personal Data from any loss, misuse, modification, unauthorized or accidental access or disclosure, alteration or destruction. It has also implemented measures for the secure transfer of Personal Data and Sensitive Personal Data ensuring the reliability, integrity and competence of its authorized personnel that have access to your Personal Data and Sensitive Personal Data.

Changes to the Personal Data and Sensitive Personal Data Protection Notice

elc International School reserves the right to modify, update or amend the terms of this Notice at any time by placing the updated Notice on our website. By continuing to deal with **elc** International School or by engaging **elc** International School following the modifications, updates or amendments to this Notice, it is

deemed that you have accepted such modifications, updates or amendments unless you have expressly stated otherwise in writing to **elc** International School.

Language


This Notice is issued in both the English and Malay languages. In the event of any inconsistency between these two versions, the English version shall prevail.



*** excellence * loyalty * commitment ***

Sekolah Antarabangsa **elc**

Polisi Perlindungan Data Peribadi



Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP) Malaysia dikuatkuasakan pada 15 November 2013 dengan tujuan mengawal selia pengumpulan, penyimpanan, pemprosesan dan penggunaan data peribadi dan data peribadi sensitif. Akta Perlindungan Data Peribadi berusaha untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dan melindungi hak individu. Ia tidak bertujuan untuk menghalang penggunaan maklumat yang sah.

Notis Perlindungan Data Peribadi **[Notis]** ini terpakai kepada mana-mana dan kesemua pelajar kami, bakal pelajar, ibu bapa atau penjaga pelajar yang sah, bakal ibu bapa atau penjaga pelajar yang sah, pembekal barangan dan perkhidmatan, kontraktor dan vendor mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [APDP].

Oleh sebab komunikasi dan urusan anda dengan Sekolah Antarabangsa **elc** dan pemberian Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda kepada kami, dan secara berterusan, anda dengan ini memberi kebenaran kepada kami untuk memproses Data Peribadi anda dan bersetuju dengan terma-terma dalam Dasar Perlindungan Data Peribadi ini.

Data Peribadi

Data Peribadi merangkumi kesemua maklumat yang mengenalpasti seseorang secara langsung atau tidak langsung daripada maklumat itu sendiri berhubung dengan transaksi komersial dan aktiviti pendidikan bersama kami. Ia juga merangkumi sebarang Data Peribadi Sensitif serta pendapat yang dinyatakan mengenai individu lain. Data Peribadi merangkumi maklumat berikut:

- Nama
- Alamat
- Nombor telefon
- E-mel
- Jantina
- Tarikh Lahir
- Foto dan/atau Video dsb
- Rakaman Keselamatan bagi kawasan awam di Sekolah Antarabangsa **elc** dan jarak yang munasabah.

Data Peribadi Sensitif


Data Peribadi Sensitif merangkumi Data Peribadi seseorang individu berkenaan:

- Keadaan/kesihatan fizikal atau mental
- pandangan atau pendapat politik
- kepercayaan agama atau kerohanian
- pertuduhan atau dakwaan pertuduhan kesalahan jenayah
- data biometrik;
- mana-mana maklumat lain yang disifatkan oleh Menteri sebagai data peribadi sensitif

“Data Biometrik” bermaksud apa-apa data peribadi yang terhasil daripada pemprosesan teknikal yang berhubungan dengan ciri-ciri fizikal, fisiologi atau tingkah laku seseorang.

Pemprosesan

Pemprosesan bermaksud pengumpulan, perekodan, pemegangan atau penyimpanan data, penyusunan, penyesuaian atau pengubahsuaian data, penggunaan, perujukan, pengembalian atau perundingan data, pendedahan melalui penghantaran, pemindahan, penyebaran data atau apa-apa cara lain bagi menjadikan data tersebut tersedia kepada pihak ketiga, penyelarasan, penggabungan, pembetulan, pemadaman, pemusnahan atau penghapusan data.



Ahli Gabungan

Ahli Gabungan merujuk kepada mana-mana institusi pendidikan, syarikat, perbadanan atau organisasi lain yang dikawal secara langsung atau tidak langsung oleh Zaum Sdn Bhd [Sekolah Antarabangsa **elc**]. Istilah "kawalan" apabila digunakan berkenaan dengan mana-mana organisasi bermaksud pemilikan, secara langsung atau tidak langsung, atau kuasa untuk mengarah atau menentukan hala tuju pengurusan dan dasar organisasi tersebut, sama ada melalui kontrak atau cara-cara lain.

Pengumpulan Data Peribadi Anda

Anda memberikan kebenaran kepada Sekolah Antarabangsa **elc** untuk mengumpul, menyimpan dan memproses Data Peribadi anda. Data Peribadi ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama anda, jantina, kewarganegaraan dan nombor kad pengenalan atau nombor passport, alamat, nombor telefon, alamat e-mel, maklumat pekerjaan dan julat pendapatan, latar belakang keluarga, maklumat perbankan dan butiran kewangan, tempat lahir, imej dan rakaman keselamatan kamera litar tertutup (CCTV), gambar, sejarah pendidikan dan rekod akademik, serta sebarang maklumat lain yang boleh mengenal pasti anda atau yang mungkin boleh digunakan untuk mengenal pasti anda, yang kami anggap perlu dari semasa ke semasa berhubung dengan hubungan komersial kami bersama anda.

Sekolah Antarabangsa **elc** juga mungkin memproses Data Peribadi Sensitif anda yang merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, kepercayaan agama atau kepercayaan seumpamanya; kesihatan atau keadaan mental; data biometrik; serta sebarang perlakuan kesalahan, dakwaan melakukan kesalahan atau sabitan jenayah.

Sekolah Antarabangsa **elc** akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan sentiasa dikemas kini. Semua data akan disimpan dengan selamat, dan data elektronik akan dilindungi melalui penyulitan atau langkah-langkah keselamatan lain, selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA).

Sumber Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif

Anda dengan ini memberikan persetujuan kepada Sekolah Antarabangsa **elc** untuk mendapatkan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda daripada pelbagai sumber termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- mendapatkan perkhidmatan daripada Sekolah Antarabangsa **elc**;
- memberikan Data Peribadi anda bagi acara yang ditaja atau dianjurkan oleh Sekolah Antarabangsa **elc**;
- menyerahkan kad perniagaan anda kepada wakil, kakitangan atau ejen kami;
- syor daripada pihak ketiga termasuk ahli gabungan dan rakan niaga kami sama ada di dalam atau di luar Malaysia;
- sebarang bentuk komunikasi lisan atau bertulis dengan Sekolah Antarabangsa **elc** atau ejen yang diberi kuasa;
- penyerahan Data Peribadi anda, antaranya, melalui borang permohonan Sekolah Antarabangsa **elc**, borang pendaftaran, borang pertanyaan atau daripada laman web;
- rakaman keselamatan dalam kawasan premis Sekolah Antarabangsa **elc** dan kawasan berdekatan yang mempunyai jarak munasabah; dan

- h. sebarang material yang telah diedarkan oleh anda secara sukarela.

Tujuan Pengumpulan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif Anda ("Data")

Anda memberikan persetujuan kepada Sekolah Antarabangsa **elc** untuk mengumpul dan memproses Data bagi tujuan-tujuan berikut (dirujuk secara kolektif sebagai "Tujuan") yang termasuk tetapi tidak terhad kepada:



- a. menilai permohonan/permintaan anda terhadap perkhidmatan kami;
- b. memproses kemasukan pelajar ke institusi kami;
- c. menyediakan perkhidmatan bagi pelajar termasuk perkhidmatan pendidikan, kesihatan dan kaunseling;
- d. menganjurkan lawatan, majlis graduasi, biasiswa dan penajaan;
- e. untuk kajian pasaran, analisis statistik dan tujuan pemasaran bagi pengambilan pelajar;
- f. penyampaian maklumat, surat berita dan komunikasi berkaitan;
- g. pengurusan operasi bagi alumni serta pemberitahuan maklumat terkini mengenai aktiviti dan keistimewaan-keistimewaan alumni;
- h. untuk penyelenggaraan rekod akademik dan perubatan pelajar;
- i. untuk penilaian dalaman terhadap perkhidmatan mengajar bagi tujuan melatih guru;
- j. untuk rekod dalaman bagi pengurusan kewangan, penyediaan kemudahan serta perkhidmatan pendidikan dan perkhidmatan sampingan;
- k. untuk membalas aduan dan pertanyaan atau berkomunikasi dengan anda;
- l. untuk mematuhi sebarang kewajipan undang-undang atau statutori; dan
- m. untuk langkah-langkah perlindungan, keselamatan dan akauntabiliti

Data tidak akan disimpan lebih lama daripada tempoh yang diperlukan bagi melaksanakan Tujuan. Sekolah Antarabangsa **elc** akan memastikan bahawa Data tersebut dimusnahkan secara selamat atau dipadam secara kekal sekiranya tidak lagi diperlukan. Walau bagaimanapun, Sekolah Antarabangsa **elc** akan terus menyimpan Data yang diperlukan, termasuk untuk rekod akademik, pengesahan pada masa hadapan dan penglibatan alumni.

Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda akan disimpan dan dienkripsi. Akses kepada Data ini hanya akan diberikan kepada pentadbir yang diberi kuasa atau Pegawai Perlindungan Data Sekolah Antarabangsa **elc** bagi Tujuan yang dinyatakan, selaras dengan pematuhan kepada Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA).

Pendedahan kepada Pihak Ketiga

Anda memberikan persetujuan kepada Sekolah Antarabangsa **elc** untuk mendedahkan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda kepada pihak ketiga berikut merangkumi tetapi tidak terhad kepada:

- a. Ahli Gabungan kami
- b. Semua penasihat profesional termasuk juruaudit luar, kontraktor, perunding, peguam dan pembekal perkhidmatan profesional lain yang dilantik berhubung dengan urusan kami
- c. Pembekal perkhidmatan yang menyediakan perkhidmatan teknologi maklumat, penghantaran, pengambilan pekerja, penyelidikan, keselamatan, pemasaran, pengiklanan dan pemeliharaan rekod
- d. Hotel, ejen rasmi visa dan ejen rasmi pelancongan
- e. Institusi perbankan dan kewangan
- f. Pembekal insurans
- g. Ejen hartanah atau pembekal penginapan pelajar
- h. Penaja pelajar, kedutaan atau konsulat negara asal pelajar
- i. Organisasi yang menyediakan latihan industri, praktikum, penglibatan industri atau bakal majikan pelajar

- j. Rakan perniagaan yang dianggap perlu dan bersesuaian
- k. Pihak berkuasa Kerajaan dan kawal selia seperti yang dikehendaki oleh undang-undang

Akibat Keengganan / Kegagalan Memberikan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif

Pemberian Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda kepada Sekolah Antarabangsa **elc** adalah wajib sekiranya ia diperlukan bagi membolehkan kami menyediakan perkhidmatan kami atau apabila ia diwajibkan oleh undang-undang. Namun begitu, sekiranya anda memilih untuk tidak memberikan persetujuan atau menarik balik persetujuan anda terhadap pemprosesan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif oleh kami, kewajipan kepada anda berkaitan dengan Tujuan tersebut tidak akan boleh dipenuhi kami.



Hak Anda untuk Mengakses, Membetulkan dan Mengehadkan Pemprosesan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif Anda

Anda boleh memohon untuk mengakses Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda serta mendapatkan salinan data tersebut dengan mengemukakan permohonan bertulis. Sekiranya anda berpendapat bahawa Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda tidak tepat, mengelirukan, tidak lengkap atau sudah lapuk, anda boleh mengemukakan permohonan bertulis untuk dibetulkan. Sekiranya anda tidak berhasrat untuk menerima sebarang material atau pemberitahuan daripada kami atau mengkehendaki Sekolah Antarabangsa **elc** menghentikan pemprosesan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda dengan cara yang tertentu, anda perlu mengemukakan permohonan bertulis bagi sekatan tersebut dan Sekolah Antarabangsa **elc** akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk mematuhi permintaan anda. Walaubagaimanapun, Sekolah Antarabangsa **elc** boleh menolak untuk mematuhi permintaan tersebut dalam keadaan yang dibenarkan dan/atau dilarang oleh undang-undang. Sebarang permintaan, pertanyaan atau aduan berkenaan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda boleh dikemukakan kepada Sekolah Antarabangsa **elc** secara bertulis, ke alamat berikut:

Pengetua, Sekolah Menengah
Pengetua, Sekolah Rendah
Sekolah Antarabangsa **elc**
Kampus Sungai Buloh
Jalan Sierramas Barat
Sierramas
Sungai Buloh
47000 Selangor
Malaysia

e-mel: sn.chong@elc.edu.my
[Sekolah Menengah]
m.evans@elc.edu.my
[Sekolah Rendah]

Pengetua

Sekolah Antarabangsa **elc**
Kampus Cyberjaya
Lingkar Cyber Point Barat
Cyberjaya
63000 Selangor
Malaysia

e-mel: principal_cj@elc.edu.my

Sila sertakan maklumat berikut dalam mana-mana permohonan bertulis anda yang boleh digunakan untuk mengenal pasti diri anda-

1. Nama penuh
2. Nombor pengenalan
3. Nombor telefon untuk dihubungi
4. Alamat surat-menyurat
5. Alamat e-mel

Pemindahan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif ke Luar Malaysia

Sekolah Antarabangsa **elc** boleh memindahkan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda ke luar Malaysia semasa melaksanakan mana-mana Tujuan yang dinyatakan setakat had yang dibenarkan oleh undang-undang. Sekolah Antarabangsa **elc** akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan pihak ketiga tersebut tidak memproses Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda bagi apa-apa tujuan selain daripada Tujuan yang dinyatakan serta memastikan bahawa pemprosesan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif di luar Malaysia adalah selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA).



Kebolehpindahan Data bagi Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif Anda

Anda boleh memohon kepada Sekolah Antarabangsa **elc**, dengan memberikan notis secara bertulis, untuk memindahkan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda melalui kaedah elektronik kepada Pengawal Data lain seperti yang ditakrifkan di bawah PDPA mengikut pilihan anda sebagaimana dinyatakan dalam permintaan tersebut. Sila ambil perhatian bahawa permintaan untuk Kebolehpindahan Data ini tertakluk kepada kebolehlaksanaan teknikal dan keserasian Format Data.

Keselamatan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif

Sekolah Antarabangsa **elc** mengambil langkah-langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk melindungi Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda daripada sebarang kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses atau pendedahan tanpa kebenaran atau secara tidak sengaja, pemindaan atau pemusnahan. Ia juga telah melaksanakan langkah-langkah bagi pemindahan data yang selamat dengan memastikan kebolehpercayaan, integriti dan kecekapan kakitangan yang diberi kuasa untuk mengakses Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif anda.

Perubahan kepada Notis Perlindungan Data Peribadi dan Data Peribadi Sensitif

Sekolah Antarabangsa **elc** berhak untuk mengubahsuaikan, mengemas kini atau meminda terma-terma Notis ini pada bila-bila masa dengan memaparkan Notis yang telah dikemas kini di laman sesawang kami. Pelanjutan urusan dengan Sekolah Antarabangsa **elc** atau penglibatan dengan Sekolah Antarabangsa **elc** selepas sebarang pengubahsuaian, pengemaskinian atau pindaan terhadap Notis ini, anda dianggap telah menerima pengubahsuaian, pengemaskinian atau pindaan tersebut melainkan pernyataan sebaliknya dinyatakan secara bertulis oleh anda secara bertulis kepada Sekolah Antarabangsa **elc**.

Bahasa

Notis ini dikeluarkan dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara kedua-dua versi ini, versi bahasa Inggeris akan terpakai.